



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 11 DISEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	TENDER NAFAS BUKAN SKANDAL, MUKA DEPAN, MINGGUAN AMANAH -1 SALAHUDDIN PERTAHAN PROJEK RM1.4 BILION NAFAS BUKAN SKANDAL, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -2 TIADA SIASATAN DALAMAN TERHADAP SALEHUDDIN HASSAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	WARGA JPV DISARAN TERUS KOMITED MANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# TENDER NAFAS BUKAN SKANDAL

Isu pemberian projek pembekalan input pertanian sektor padi membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bukan satu skandal seperti mula dimainkan MCA dan disambut oleh Pas.

Menterinya, Datuk Seri Sallehuddin Ayub menegaskan tender tersebut masih berada di Kementerian Kewangan dan bukan masuk ke akaun lain seperti amalan lazim ketika era pentadbiran kerajaan BN.

Pengalaman serta kemudahan yang dimiliki melayakkan NAFAS mampu dipilih untuk memiliki kontrak pengurusan baja demi keperluan 921,91 ahli peladang yang menganggotai 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara.

Pada masa sama, pertukaran Ketua Setiausaha Kementerian tersebut, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pula adalah prosedur biasa.

Tiada campur tangan menteri dalam pertukaran itu yang berada bawah bidang kuasa Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ismail Bakar dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**LAPORAN PENUH MUKA 2 & 3 →**

*Salahuddin mempertahankan isu dana RM1.4 bilion yang mulanya dilempar MCA.*





# Salahuddin pertahan projek RM1.4 bilion

## Nafas bukan skandal

**M**ENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, menegaskan isu pemberian projek bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus bukan satu skandal.

Bellau menegaskan, dana berkenaan masih berada di Kementerian Kewangan dan bukan masuk ke akaun lain seperti yang berlaku dalam beberapa skandal di bawah pentadbiran kerajaan sebelum ini.

"Saya sudah jelaskan, apa yang dilakukan itu masih dalam prosedur ditetapkan. Ia bukan skandal."

"Kalau skandal ini, skandal Tabung Haji, FGY dan 1MDB. Duit itu masuk ke dalam akaun peribadi atau akaun sesiapa."

"Namun, ke mana pergi peruntukan RM1.4 bilion itu? Ia masih dalam Perbendaharaan yang kita yakin akan diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas). Itu saja," katanya.

Bellau berkata demikian selepas merasmikan Kongres Benih Asia 2019 25 November lalu.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, mempertanyakan dakwaannya bahawa pemberian projek Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus, yang akan diberikan kepada Nafas, sebagai satu skandal.

BH pada Sabtu lalu melaporkan pen-



Salahuddin Ayub

ganugerahan pelbagai projek berkaitan padi secara rundingan terus kepada Nafas yang dilaksanakan sejak 1980-an adalah bagi membela-dan menjaga kebajikan 920,000 ahli yang memiliki saham dalam pertubuhan itu.

Pengerusi Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, dilaporkan berkata pertubuhan itu tidak akan mampu bersaing dengan syarikat besar jika penganugerahan projek dilakukan secara tender terbuka.

Mengenai dakwaan bahawa bellau disabotaj oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, beliau berkata, beliau telah berundingan dengan KSU mengenai projek ini.

**Menteri tidak terpisah. Menteri tetap ada pembabit, komitmen dan tanggungjawab untuk memastikan semua tender itu berjalan dengan baik lagi telus di bawah Pakatan Harapan (PH).**

Mohd Sallehuddin Hassan, akan dikenakan tindakan berikutan dakwaan sabotaj berkenaan, Salahuddin berkata, beliau tidak tahu mengemainya dan soalan itu perlu diajukan kepada Ketua Setiausaha Negara. Mohd Sallehuddin tidak hadir pada program berkenaan.

Sementara itu, berhubung kenyataan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, yang menyifatkan adalah salah dari segi moral untuk menteri mengagihkan projek, susulan kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berhubung perkara itu, Salahuddin berkata kenyataan Dr Mahathir itu tidak boleh diambil di luar konteks.

"Saya ada bersama Tun ketika itu dan dalam Kabinet pun diberikan penjelasan. Menteri hanya layak untuk tahu. Menteri berhak untuk panggil KSU (bertanya) bagaimana projek itu diberikan dan jika boleh persoalkan, menteri akan minta isu spesifik yang mungkin berlaku. Itu maksud Tun."

"Menteri tidak terpisah. Menteri tetap ada pembabit, komitmen dan tanggungjawab untuk memastikan semua tender itu berjalan dengan baik lagi telus di bawah Pakatan Harapan (PH)."

"Saya tidak nampak apa yang dikatakan Tun itu seolah-olah menteri juga boleh anugerahkan tender. Itu tidak benar sama sekali," katanya.

isu itu.

"Jika ada reaksi luaran, saya rasa kita searahkan kepada pihak bertanggungjawab menyiasat atau memberikan komen. Bukan saya orangnya untuk memberikan maklum balas," katanya.

Diminta mengulas sama ada kementeriannya melakukan siasatan dalaman mengenai dakwaan sabotaj itu, Salahuddin sekali lagi menegaskan, siasatan hanya perlu jika wujud skandal.

"Tiada skandal pun. Harmoni saja di Kementerian itu. Tiada salah laku, tiada apa berlaku," katanya.

Ditanya sama KSU Kementerian, Datuk

# Tiada siyasatan dalam terhadap Sallehuddin Hassan

Oleh AKMAL MANAF

**M**ENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Sallehuddin Ayub memberitahu tiada siyasatan dalam dilakukan terhadap Ketua Setiausaha (KSU) kementerianya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Sallehuddin berkata, tiada sebarang pengarahannya dalam dilakukan terhadap KSU di kementerianya itu.

"Tiada siyasatan dalam dilakukan. Saya tidak pernah mengarahkan atau menerima apa-apa arahan.

"Saya difahamkan pertukaran (notis) yang saya terima semalam (25 November) adalah macam prosedur biasa untuk mana-mana pertukaran itu berlaku.

"Saya menerima satu notis daripada pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ada



**Sallehuddin Ayub tidak pernah mengarahkan atau menerima apa-apa arahan berhubung kedudukan Sallehuddin Hassan.**

empat hingga lima orang terlibat dalam pertukaran itu.

"Ada juga yang berpindah kementerian, dan saya dimaklumkan memang berlaku pertukaran. Jadi saya tidak boleh memberikan sebarang ulasan kerana tidak ada apa-apa yang berlaku di kementerian saya," jelas beliau ketika ditemui pemberita di Iobi Parlimen, 26 November lalu.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Pulau tersebut menambah bahawa proses pertukaran sedemikian adalah di bawah bidang kuasa-Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan juga Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ditanya adakah notis pada 25 November sudah menyebut nama bekas KSU atau hanya sekadar makluman biasa, Sal-

ahuddin berkata, beliau membaca notis tersebut melalui kumpulan WhatsApp dan tidak ada penafian rasmi mengenai perkara itu.

"Jadi, saya anggap itu satu urusan biasa di pejabat KSN atau di pejabat Ketua Pengarah JPA," jelas Sallehuddin sambil menambah pihaknya belum menerima notis secara rasminya mengenai pertukaran KSU dan menegaskan tidak mahu mencampuri bidang kuasa KSN atau JPA.

Sebelum ini, Sallehuddin menerima keputusan dipindahkan ke Jawatan Penempatan Khas, JPA berkuatkuasa serta-merta.

Dalam kenyataan pada 25 November, beliau redha dengan keputusan itu dan menyifatkan ada hikmah di sebaliknya ketentuannya yang ditetapkan Allah.

"Setiap yang bermula pasti ada pengakhirnya. Suka saya

maklumkan bahawa perkhidmatan saya sebagai Ketua Setiausaha Kementerian telah tamat bermula pada 22 November 2019.

"Kita hanya merancang, Dia yang menentukan. Apa yang terjadi adalah di atas kehendakNya dan ada hikmah di sebaliknya. Saya reda dan menerima keputusan ini dan mendoakan semoga ada sinar pencerahan.

"Hanya Allah yang mengetahui dan masa akan menentukan segala-galanya. Kita kerja kerana Allah dan rezeki ada di mana-mana," kata Sallehuddin lagi.

Sallehuddin didakwa ditukarkan susulan kontroversi melibatkan tender padi bernilai RM1.4 billion.

Pertukaran tersebut dibuat pada 22 November lalu, sehari selepas Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong membangkitkan dakwaan mengenai rundingan terus untuk kontrak tersebut.

Headline	Warga JPV disaran terus komited mantapkan sistem penyampaian		
MediaTitle	Utusan Borneo Online ( <a href="http://www.utusanborneo.com.my/">http://www.utusanborneo.com.my/</a> )		
Date	11 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Warga JPV disaran terus komited mantapkan sistem penyampaian

KOTA KINABALU: Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah Dr Peter Lee meminta seluruh anggota jabatan supaya terus komited dalam menjalankan tugas yang diamanahkan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian.

Sambil menghargai komitmen dan dedikas...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***